




## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO	
TARIKH	:	18/2/2019	MUKA SURAT : 9
JABATAN	:	PERHILITAN	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	



# Si hitam masuk jerat

**HARIMAU**  
kumbung yang  
masuk ke jerat  
dipasang  
PERHILITAN

## ■ Pemangsa baham 15 biri-biri rupanya antara spesies terancam

**Abnor Harizam Abd Manap**  
cnews@nisp.com.my

### Jelesu

**H**arimau kumbung yang membaham 15 biri-biri di Kampung Geylang, Simpang Perang, di sini, kelmarin berjaya ditangkap Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Negeri Sembilan, semalam. Pengarah PERHILITAN Negeri Sembilan, Wan Mar Wan

Harun berkata, haiwan itu ditangkap pada jam 10 malam menggunakan perangkap besi yang dipasang di kawasan kampung berkenaan sejak dua minggu lalu.

"Kita menggunakan umpan seekor kambing hidup yang diletakkan di dalam sangkar berasingan bersebelahan perangkap besi berkenaan.

"Bagaimanapun, kita belum mengenal pasti jantina dan berat haiwan itu kerana masih menunggu prosedur rawatan dijalankan Jabatan

Perkhidmatan Veterinar dan PERHILITAN negeri," katanya ketika dihubungi.

Selain itu, beliau berkata, harimau itu adalah spesies terancam yang sukar ditemui dan dihidungi sepenuhnya mengikut jadual kedua Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716).

Katanya, harimau kumbung itu akan dilepaskan kembali ke habitat asal selepas pemeriksaan dijalankan bagi memastikan spesies itu sihat. Beliau berkata, sasatan

**“**Harimau kumbung itu akan dilepaskan kembali ke habitat asal selepas pemeriksaan dijalankan bagi memastikan spesies itu sihat”

**Wan Mar Wan Harun**

susulan, turut mendapati haiwan pemangsa itu masuk ke kandang melalui ruang antara bumbung dan dinding kandang milik pengadu. "PERHILITAN sudah me-

18-02-2019

setempat

9

nutup kandang kambing pengadu menggunakan jaring hitam di sekeliling bagi menutup ruang yang membolehkan pemangsa masuk ke dalam kandang," katanya.

Sementara itu, pemilik biri-biri berkenaan, Ibrahim Maasin, 60, berkata dia hanya menyedari kejadian itu pada jam 9 pagi ketika mahu memberi makan kepada haiwan ternakannya. "Kandang itu terletak ki-

ra-kira 100 meter dari rumah dan saya percaya serangan harimau itu berlaku pada tengah malam.

"Ini kejadian keempat dan tiga kejadian sebelum ini mengakibatkan 20 kambing ternakan saya mati.

"Tiga kejadian serangan sebelum ini berlaku di luar kandang dan insiden terbaru ini adalah kejadian pertama haiwan pemangsa itu masuk ke dalam kandang," katanya.



**ANGGOTA PERHILITAN Negeri Sembilan menggunakan perangkap besi untuk menangkap harimau kumbung.**